




Kisah Kejayaan (Jan - Mac 2016) PI KPG.HILIR MALUDAM

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI Nama PI	Pusat Internet Kg. Hilir Maludam
Location Lokasi	Kpg Maludam Pusa, Betong Sarawak
Name of person(s) Nama	SAILI BIN NUSI
Details of person (s) Butiran diri	UMUR: 12 TAHUN JANTINA: LELAKI TAHAP PENDIDIKAN: SEKOLAH RENDAH PEKERJAAN: PELAJAR TAHUN 6
Success story Kisah kejayaan	<p><i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story</i></p> <p><i>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda.</i></p> <p>❖ <i>Di zaman globalisasi kini, internet tidak lagi dianggap sebagai kemudahan tetapi ia merupakan satu keperluan yang harus kita pelajari. Saya berpendapat masih banyak ilmu pengetahuan yang perlu ditimba sebagai seorang murid di sekolah rendah. Internet boleh dijadikan sebagai medium untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian terutama untuk membuat tugas sekolah. Berpegang kepada pepatah “usaha tangga kejayaan”, saya berusaha mempelbagaikan cara belajar dengan adanya internet. Walaupun tinggal di kawasan luar bandar, internet merupakan salah satu penghubung untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan mengikuti perkembangan isu-isu semasa.</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>How did your life improved after learning how to use the internet</i></p> <p><i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>❖ <i>Kini, internet merupakan salah satu kepentingan yang harus kita dekati dan pelajari. Saya sendiri sentiasa mengingatkan kepada diri agar tidak hanya duduk di takuk yang lama malah memandang positif untuk menerima perubahan, belajar dan menggunakan internet untuk kebaikan di masa hadapan. Belajar melalui internet merupakan satu keseronokan bagi saya dan telah menarik minat saya untuk terus mengenali dunia internet. Dengan bantuan laman pembelajaran seperti unicliq dapat meningkatkan lagi pengetahuan saya dalam pelajaran. Kewujudan internet juga mengurangkan tekanan dan menghilangkan rasa bosan kerana kita bukan hanya membaca tetapi boleh belajar secara visual dengan menonton video.</i></p>
<p>Keterangan gambar Photo caption</p>	<p><i>Describe activity and person(s) in every photo provided</i> <i>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p data-bbox="646 865 1380 898">Gambar 1: Menghadiri Kelas Latihan Microsoft Word</p>  <p data-bbox="623 1514 1403 1583">Gambar 2: Menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh petugas PI</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p data-bbox="678 680 1344 747">Gambar 3: Sentiasa memberi komitmen dengan mengikuti program di PI</p>
<p data-bbox="220 816 521 915">Photo caption names Keterangan gambar berserta nama</p>	<p data-bbox="963 884 1060 915">-Tiada-</p>
<p data-bbox="220 955 407 1018">Feedback Maklumbalas</p>	<p data-bbox="618 955 1247 989">1. What was your first impression towards PI?</p> <p data-bbox="667 1010 1300 1043">Apakah pandangan pertama anda terhadap PI?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="667 1064 1409 1398">❖ Sebuah pusat yang menyediakan pelbagai kemudahan lengkap untuk memudahkan urusan harian komuniti setempat. Saya begitu teruja apabila melihat kewujudan PI di kampung kami. Saya berpendapat PI merupakan satu platform untuk merapatkan komuniti dengan dunia teknologi dan maklumat. <p data-bbox="618 1419 1409 1453">2. What attracted you to come and use the facilities in PI?</p> <p data-bbox="667 1474 1409 1562">Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="667 1583 1409 1864">❖ Kelas latihan ICT merupakan tarikan utama saya untuk datang ke PI. Dengan sokongan ibu bapa yang menggalakkan saya untuk mempelajari asas-asas komputer dan internet menjadi pendorong kepada saya untuk menghadiri kelas setiap hujung minggu.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>❖ Kemudahan Internet yang disediakan dapat membantu saya mendapatkan maklumat untuk menyiapkan tugas sekolah. Persekitaran yang sesuai untuk belajar membuatkan saya selesa mengunjungi PI.</p> <p>❖ Pinjaman netbook 1 Malaysia yang disediakan di PI banyak membantu saya dalam meningkatkan lagi pengetahuan dalam bidang ICT.</p> <p>3. How can PI help others to be successful? Bagaimanakah cara PI dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</p> <p>❖ Penyediaan latihan ICT telah membawa perubahan yang positif untuk masyarakat setempat. Sebagai seorang murid yang masih jauh perjalanan, pendedahan dalam bidang ICT ini amat digalakkan kerana kami bakal melalui alam universiti dan pekerjaan. Pendedahan awal dengan dunia teknologi dan maklumat dapat membantu kami untuk menempuh zaman tersebut</p> <p>❖ Kemudahan internet yang disediakan di PI telah memberikan kebaikan kepada pengguna khususnya anak-anak yang masih belajar.</p> <p>4. Can you suggest improvement to be made to PI? (facilities, training activities, promotions, etc) Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Dari segi kemudahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ <i>Memandangkan ramai yang datang berkunjung ke PI untuk belajar, saya mencadangkan agar ada penambahan peralatan seperti bilangan kerusi dan meja untuk ruangan belajar.</i> <p>▪ Aktiviti latihan/kursus/promosi DLL:</p> <p>Cadangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ <i>Saya berharap agar diperbanyakkan aktiviti latihan bersama PI yang terdekat disamping dapat mengeratkan perpaduan, berkongsi idea dan pendapat serta beroleh pengalaman yang berguna.</i>

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS
BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) &
GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE
JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**